

# MAHATHIR SEDIA LETAK JAWATAN

**KUALA LUMPUR:**Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata bahawa beliau akan meletakkan jawatan sebaik saja menyedari rakyat sudah tidak mahukan kepimpinannya lagi.

Dalam satu temuramah dengan majalah ASIaweek keluaran 11 November lalu Dr. Mahathir berkata: "Saya tidak akan memegang jawatan untuk selamalamanya. Sebaik saja menyedari rakyat tidak mahukan saya, saya akan letak jawatan. Saya tidak dapat menetapkan

Oleh: **SHAHBUDIN HAJI HUSIN**  
dan **AZHAR HAJI MD. TAIB**

jangka masanya kerana bukan saya yang menentukan. Rakyat yang memilih saya yang akan menentukan. Sebaik saja mereka melihat saya tidak lagi efektif, mereka akan meminta saya keluar."

Kenyataan tegas Dr. Mahathir itu menimbulkan banyak reaksi dari berbagai pihak. Pihak yang pro pada kenyataan itu menganggap tidak ada sebab Dr. Mahathir perlu meletakkan jawatan

memandangkan rakyat masih menyokong beliau.

"Datuk Seri Dr. Mahathir hanya perlu berhenti kalau benar lebih ramai yang tidak suka daripada suka," kata ahli Jawatankuasa Penerangan UMNO Malaysia Kamaruddin Mohd. Nor.

Beliau menganggap suasana sekarang lebih ramai yang suka kepada Dr. Mahathir daripada yang tidak suka.

Ahli Parlimen Johor Bahru Datuk

**LIHAT MUKA 2**

## **MAHATHIR SEDIA LETAK JAWATAN**

Shahrir Samad pula bertanya: "Bilakah waktunya Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengetahui beliau sudah ditolak oleh rakyat untuk membolehkannya berhenti?"

Manakala Pengerusi Pusat DAP Dr. Chen Man Hin merasa ragu dengan kenyataan itu kerana ia tidak dibuat dengan nada serius.

"Sekiranya Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad jujur, maka tidak ada sebab mengapa beliau harus menangguhkan pilihanraya umum sebagai bukti rakyat masih memerlukan kepimpinannya," tegas Dr. Chan lagi.

Sebagai membuktikan kepimpinan Dr. Mahathir tetap kukuh Kamaruddin Mohd Nor mengambil perhimpunan agung UMNO dan pilihanraya kecil Parit Raja baru-baru ini sebagai asas.

"Dalam perhimpunan itu, Perdana Menteri di akhir persidangan membuat kenyataan bertentangan dengan arus para perwakilan iaitu menjemput Datuk Musa dan Tengku Razaleigh menyertai kabinet, tetapi sokongan kepada beliau tetap tidak berubah.

"Dalam pilihanraya Parit Raja pula walaupun calon BN ialah Setiausaha politik kepada Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri dan sentimen anti Mahathir turut dimainkan, ternyata calon BN tetap mencapai kemenangan," kata Kamaruddin lagi.

Datuk Shahrir pula menjadikan alasan kemenangannya di pilihanraya Johor Bahru sebagai tahap permulaan rakyat menolak pimpinan yang ada. Namun beliau kesal kemenangan Semangat 46 itu telah dijawab oleh Dr. Mahathir sebagai kemenangan minoriti dan hanya di Johor Bahru sahaja.

Datuk Shahrir bertanya lagi, bagaimanakah Datuk Seri Dr. Mahathir tahu yang rakyat memang tidak berpuas hati terhadapnya?